



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
Department Of Veterinary Services
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4
62630 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000
Faks : 603-8888 6021
E-mel : pro@dvs.gov.my
Laman Web : www.dvs.gov.my

SIARAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN KERJASAMA STRATEGIK ANTARA JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR DAN AGROBANK 2 OGOS 2025 | SICC, KOTA KINABALU, SABAH

KOTA KINABALU, 2 OGOS 2025 – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Agrobank hari ini memeterai kerjasama strategik yang bertujuan memperkasa penternak ruminan dengan menyediakan kemudahan pembiayaan khusus serta sokongan geran padanan kerajaan sehingga 90%.

Kerjasama ini dimeterai oleh YBrs. Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Y.M. Dato' Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, dan disaksikan oleh YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, bersama YBhg. Datuk Yunos Abd Ghani, Pengerusi Agrobank.

Dengan pengurangan beban modal permulaan, pembiayaan mudah akses dan sokongan teknikal yang berterusan, inisiatif ini dilihat bukan sekadar penyediaan pembiayaan, tetapi merupakan satu sistem sokongan menyeluruh kepada agropreneur dalam mentransformasikan sektor ruminan negara menjadi industri yang moden, inklusif dan mampan.

Kerjasama ini merangkumi tiga program utama pembangunan industri ruminan peringkat kebangsaan, iaitu Program Pengganda 30 bagi penternak lembu pedaging, Program Pengukuhan Pengeluaran Tenusu Negara bagi penternak lembu tenusu, dan Program Peningkatan Ruminan Kecil bagi penternak kambing dan bebiri.

Di bawah inisiatif ini, Agrobank akan menyediakan kemudahan pembiayaan bersasar untuk perolehan ternakan, kelengkapan ladang dan pembangunan infrastruktur. DVS akan melaksanakan penyaluran bantuan geran secara imbuhan balik dengan nisbah seperti 90:10, 80:20 dan 70:30 bergantung kepada program yang terlibat. DVS turut melaksanakan pemantauan lapangan, latihan teknikal dan khidmat nasihat bagi memastikan keberkesanan serta kelestarian pelaksanaan program.

Kerjasama ini menyokong sepenuhnya aspirasi yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) dan Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0). Kedua-dua dasar negara ini memberi penekanan terhadap usaha memperkukuh keterjaminan makanan, memodenkan keusahawanan tani secara inklusif, mengurangkan kebergantungan kepada import daging dan tenusu serta memperkasakan ekonomi berasaskan agro terutamanya di kawasan luar bandar. Agrobank menjangkakan inisiatif ini bakal memberi manfaat kepada ratusan agropreneur di seluruh negara dalam tahun pertama pelaksanaannya, khususnya di Sabah dan Sarawak.

Inisiatif ini telah dilancarkan secara rasmi bersempena dengan sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2025 yang berlangsung di Kota Kinabalu, Sabah.

Disediakan oleh:
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
2 Ogos 2025

